

AL-QUR'ĀN AL-KARĪM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA

Sejarah Perkembangan Ilmu Tafsir

Sejarah ahli ilmu yang memperbaiki tulisan al-Qur'ān

1) Al-Ma'mūn.

Nama lengkapnya: Abu al-'Abbās 'Abd Allah ibn Hārūn al-Rashīd ibn Muhammad al-Mahdī, ibn Abī Ja'far al-Manṣūr, Khalifah 'Abbās yang ketujuh, yang bertakhta kerajaan di Iraq. Salah seorang khalifah besar yang menjadi contoh di dalam ketinggian ilmu dan keluasan kerajaannya. Ia menjadi khalifah sesudah saudaranya al-Amīn dipecat pada tahun 198 H. Sesudah ia menjadi khalifah, ia berusaha menyempurnakan pekerjaan moyangnya al-Manṣūr, iaitu menterjemahkan kitab-kitab pengetahuan dan falsafah dari bahasa Greek ke bahasa Arab. Dan ia mengirim berbagai-bagai hadiah kepada raja-raja Rom serta meminta mereka mengirimkan buku-buku falsafah. Permintaan itu dipenuhi, mereka mengirimkan segala kitab Aflatoon, Aristoteles, Buqrat, Jalinus, Iqlid, Batlimus dan lain-lainnya. Setelah terkumpul semuanya, ia menyuruh datangkan beberapa ahli terjemah menterjemah. Setelah terjemah itu selesai, ia menyuruh orang-orang yang ahli mempelajarinya.

Dengan demikian tegaklah kedaulatan ilmu pengetahuan dalam pada zamannya dan ia pun menjadi bapa ilmu pengetahuan sejarah Islam. Ia amat gemar bersahabat dengan alim ulama, ahli Fikah, ahli-ahli Hadis, ahli-ahli ilmu *al-Kalām*, ahli *lughah* (bahasa), ahli syair, ahli *al-Tārīkh*. Ia

memberi kebebasan menyatakan pendapat kepada ahli-ahli bahas dan falsafah. Pada zamannya timbul faham bahawa al-Qur'ān itu makhluk. Sejarah hidupnya amat panjang. Ibn Abī Ṭāifūr telah menghuraikan di dalam "Tārīkh Baghdād" di dalam muka 384. Itu pun baharu sebahagian dari riwayatnya.

Zahir pada tahun 170 H – (?) 786 M. dan wafat di Tarsus pada tahun 218 H – 833 M).

2) Al-Hasan al-Baṣrī

Nama penuhnya: Abu Sa'id al-Hasan ibn Yasār, seorang *tābi'ī* besar, ikutan penduduk Basrah, lautan ilmu pada zamannya, seorang wali yang terkenal.

Ia salah seorang dari ulama fikah yang petah, berani, banyak ibadah dan sangat terkemuka.

Zahir di Madinah dan besar dalam asuhan 'Alī Abī Ṭālib. Pada masa al-Rabī' ibn Ziyād menjadi Gabenor di Akhrasan (Khurasan), dalam zaman Muawiyah, ia diangkat menjadi jurutulis. Kemudian berkediaman di Basrah. Ia terhitung seorang ulama yang sangat besar kehebatannya (disegani – P). Ia berani menyuruh dan menegah orang besar-orang besar negeri untuk menjalankan kebenaran.

Kata al-Ghazālī: Perkataan al-Hasan itu mendekati perkataan Nabi, dan pertunjuknya yang diperoleh, menyerupai pertunjuk sahabat".

Dalam zaman Umar ibn ‘Abd al-Azīz menjadi khalifah, ia menulis surat kepada al-San (al-Hasan) meminta nasihatnya. Al-Hasan memberi jawapan: “Orang-orang yang menyukai keduniaan tentu khalifah tidak dapat mempergunakan. Akan tetapi, orang-orang yang menyukai akhirat, tentu tidak suka menyertai khalifah. Kerana itu, pohonlah pertolongan kepada Allah.”

Zahir pada tahun 21 H. – 647. Dan meninggal di Basrah pada tahun 110 H. – 728 M.

3) Ziyad ibn Abīhi:

Ia seorang panglima perang yang sangat cerdas, yang telah mengalahkan beberapa negeri serta disegani dan ditakuti oleh teman sejawatnya dari penduduk Taif. Ayahnya tidak dapat dipastikan siapa, kerana ada yang mengatakan ayahnya itu ‘Abīd al-Thaqafī dan ada yang mengatakan Abu Sufyan ibn Ḥarb, ibunya Sumayyah, hamba perempuan kepada al-Hārith ibn Kaladah al-Thaqafī, yang telah dimerdekakan. Ziyad memeluk Islam dalam zaman Saidina Abu Bakar al-Ṣiddīq. Abu Mūsā al-Ash‘arī mengangkatnya menjadi penulis ketika Abu Mūsā menjadi amir di Basrah. Kemudian ia diangkat menjadi amir di Parsi oleh Saidina Ali. Sesudah Saidina Ali wafat, Ziyād tiada mahu tunduk di bawah perintah Muawiyah serta mempertahankan diri dalam benteng-benteng Parsi. Kemudian sesudah terang kepada Muawiyah bahawa Ziyād itu saudara siapa, maka Muawiyah pun mengirim surat kepadanya sebagai tanda pengakuan persaudaraan. Hal ini terjadi pada tahun 44 Hijrah. Mulai ketika itu, Ziyād menjadi tangan kanan bagi Muawiyah dan ia pun diangkat menjadi Gabenor di Basrah, Kufah dan wilayah-wilayah Iraq. Jawatan itu, dipegangnya hingga ia meninggal.

Kata al-Sha‘ibī: “Tidak pernah aku lihat seseorang yang lebih pandai bersyarah (berpidato) daripada Ziyād.”

kata al-Aḍma‘ī “Dialah yang mula-mula membuat dirham; dinar dan mengukir di atas nama Allah. “Dialah yang mula-mula memerintahkan:

- 1) Semua wakil-wakil amir, duduk di atas kerusi di hadapannya.
- 2) Apabila ia berjalan, ditetapkan sekumpulan yang lengkap dengan senjata berjalan di hadapannya.

Riwayatnya amat panjang. Meninggal pada tahun 53 H. (673 M.)

4) Abū al-Aswad al-Dawli (al-Du‘ali).

Nama penuhnya: Zālim ibn ‘Amrū ibn Jandal al-Da ‘ulī al-Kanānī, penyusun ilmu nahu, masuk golongan fuqaha’. Ketua negeri, ahli kesusasteraan. Abū al-Aswad ini mempelajari dasar-dasar nahu dari Saidina Ali. Lalu mengajarkannya kepada orang lain. Ia inilah yang membuat barisan dan tanwin al-Qur’an. Ia tinggal di Basrah. Ketika jawatan khalifah dipegang oleh Saidina Umar, ia menjadi hulubalang dan tatkala jawatan khalifah dipegang oleh Saidina Ali, ia menggantikan Abdullah ibn Abbas, ketika Abdullah pergi ke Hijaz. Ia tetap dalam jawatannya hingga zaman Saidina Ali terbunuh.

Zahir pada tahun 16 sebelum Hijrah (605 M.) dan meninggal pada tahun 69 H. 688 M. (Lihat: al-Khuḍrī 1: 11 dan Ṣubḥ al-A‘shā 3: 161).

5) Nāṣir ibn ‘Āṣim:

Nāṣir ibn ‘Āṣim al-Laithī, al-Baṣrī, ialah seorang ahli riwayat yang dipercayai oleh al-Nasāī.

Khalid al-Hizā’ berkata: Dialah yang mula-mula mengarang ilmu bahasa Arab. Di dalam (kitab Sahih) Muslim, didapati sebuah hadisnya.

6) Al-Khalīl ibn Ahmad:

Ibn ‘Amrū ibn Tamīm al-Farāhī al-Azdī, seorang ahli bahasa dan kesusasteraan, pengarang ilmu ‘*arūd*’ dan ahli dalam ilmu muzik. Dialah guru Sibawayh ahli nahu yang terkenal. **Dialah yang mula-mula membuat “Kamus Arab” yang bernama “al-‘Ayn”. Tebalnya kira-kira 2,500 muka. Ia membuat kamus itu, sebelum orang Eropah tahu membuat kamus.**

Jadi dalam soal membuat kamus, orang Islamlah yang mula-mula atau lebih dahulu mengetahuinya (dan menciptanya – P).

Zahir pada tahun 100 H. (718 M.) dan meninggal pada tahun 170 H. (786 M.). Ia hidup dalam kemiskinan, tetapi sabar, (lihat: “Wafayāt al-A‘yān” karangan Ibn Khalikān).

7) Yahya ibn Ya‘mar:

Nama penuhnya: Abu Sulaiman Yahyā ibn Ya‘mur al-‘Adwānī seorang kadi dari ulama *tābi‘īn*. **Dialah yang mula-mula membuat titik dalam tulisan al-Qur’an.** Ia seorang yang mahir tentang hadis, fikah dan bahasa Arab. Seorang yang amat petah lidahnya dari kalangan orang-orang Basrah. Dari Basrahlah ia dibuang keluar negeri oleh Al-Hajjāj ke Khurasan (Khurāsān).

Yazid Abu al-Mahlab mengatakannya menjadi kadi di Khurasan kemudian dipecat dari jawatannya. Riwayatnya panjang. Meninggal pada tahun 134 H.

(dari buah kalam Muhammad Hasbi al-Šiddīqī)

Sambungan dari muka 20

Nama penuhnya: Abu ‘Abd al-Rahman al-Khalīl ibn Ahmad yang indah) dan lukisan-lukisan adalah merupakan satu bahagian dari hutang kita kepada umat Islam, yang juga menjadi punca atau saluran bagi sejumlah besar dari pengetahuan kita tentang ilmu ukur.

“Semua ini ialah noktah-noktah yang tertentu, akan tetapi perhubungan rapat antara timur dan barat dalam masa “peperangan Salib” dan (dengan jalan ramah-tamah) dalam kurun-kurun pertengahan, maka sudah barang tentu telah menyumbangkan pengaruh-pengaruh yang lain lagi atas ilmu pembinaan bangunan yang tak dapat dihuraikan dalam tulisan yang ringkas ini...” – kata Martin Briggs.

**Sudahkah Tuan mendapatkan buku
Pelajaran Sembahyang**

Kalau belum dapatkanlah segera!!
Sebuah buku sembahyang yang muah difaham oleh

semua peringkat!!

Jangan ketinggalan!!

Senaskhah \$1.20 post 10 sen

Alamatkan kepada:

QALAM

356 & 358, Geylang Road,

Singapore 14.